

KVL peneraju pembangunan sukan

► Di peringkat akar umbi

LABUAN: Kolej Vokasional Labuan (KVL) sekali lagi mengadakan program antarabangsa apabila berjaya menyempurnakan Karnival Sukan Antarabangsa VocLab 2016.

Empat acara dipertandingkan pada karnival kali ini iaitu sepak takraw, softball, ragbi dan berbasikal (MTB XC Challenge).

Menurut Pengarah Program Veronica John Tang, karnival itu sebenarnya program yang telah diilhamkan oleh Pengarah KVL Labuan sempena Pesta Konvokesyen yang Pertama.

Katanya pihak kolej berbesar hati apabila penglibatan daripada negara jiran iaitu Brunei Darussalam telah memeriahkan lagi karnival itu.

Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Haji Isli selaku penaung karnival itu melahirkan rasa bangga kepada semua warga KV Labuan yang telah berjaya mengadakan karnival itu dengan

jayanya.

Menurutnya karnival seperti itu bukan sahaja dapat mencungkil bakat serta ketrampilan para pelajar serta pemain ia juga secara tidak langsung dapat memeriahkan industri pelancongan di Labuan sesuai dengan visi Rozman yang ingin menjadikan sukan di Labuan sebagai pelancongan sukan.

Pelancongan sukan itu bukan sahaja memenuhi kalendar sukan di Labuan tetapi juga akan menjana ekonomi penduduk setempat.

Semasa majlis penutupan, Rozman berharap agar karnival akan diteruskan sebagai aktiviti tahunan KV Labuan dan dimasukkan dalam kalendar sukan Majlis Sukan Labuan.

Beliau berjanji akan menyokong sukan berkenaan dengan sepenuhnya.

"Kita akan memastikan program yang mendapat sokongan penuh Ahli Parlimen Labuan

itu akan diteruskan pada tahun seterusnya," kata Pengarah KV Labuan Hajjah Siti Muslihah Leeudin.

Menurut beliau impiannya untuk melihat KV Labuan menjadi badan yang menganjurkan program peringkat antarabangsa berjaya dilaksanakan dengan bantuan dan dedikasi semua warga KV Labuan yang mempunyai iltizam untuk menaikkan nama kolej seterusnya mempromosikan produk KV Labuan kepada industri dan masyarakat.

Dalam acara sepak takraw, pasukan dari Brunei Darussalam, Brunei 88 dan Perkasa Brunei Darussalam membolot dua tempat teratas manakala tempat ketiga bersama dimenangi pasukan ILP Labuan dan Sekolah Sukan Mutiara Labuan.

Sebanyak 11 pasukan dari dalam dan luar negara menyertai acara sepak takraw.

Dalam kejohanan softball pula,



GAMBAR AJK Penganjur Karnival Sukan Antarabangsa VocLab 2016.

johan telah dimenangi oleh KV Kudat, naib johan disandang oleh KV Keningau dan tempat ketiga telah dimenangi oleh ILP Kota Kinabalu.

Pasukan Universiti Curtin A Miri, Sarawak muncul johan kategori Cup Kejohanan Ragbi Wanita yang telah disertai oleh 10 pasukan dari seluruh Malaysia.

Naib johan kategori Cup dimenangi oleh Politeknik Shah Alam Unicorn A, Selangor.

Sementara itu, dalam kategori Plate, johan diraih pasukan Saborc (UMS/UITM) dan naib johan KV Keningau.

Pasukan St Michael Penam-

pang, Sabah dan KV Labuan (Barracuda) masing-masing muncul juara dan naib juara kategori Bowl.

Kategori Spoon pula dimenangi Titans, Lahad Datu, Sabah manakala tempat kedua diraih Politeknik Shah Alam B.

Pasukan Universiti Curtin B, Miri, Sarawak muncul johan kategori Sup Power Cup manakala naib johan pula dimenangi oleh KV Kudat, Sabah.

Kejohanan ragbi wanita pada karnival ini merupakan kejohanan ragbi wanita yang terbesar di Labuan dan yang kedua terbesar di Malaysia.

Siti Muslihah berkata kejohanan ini disokong oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan, Polis Diraja Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan, Jabatan Pertahanan Awam Wilayah Persekutuan Labuan,

Jabatan Pelancongan dan Kebudayaan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan, Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Labuan, Majlis Sukan Labuan, Radio Malaysia Labuan, Local Agenda 21 Perbadanan Labuan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru KV Labuan, Persatuan Sepak Takraw Wilayah Persekutuan Labuan, Persatuan Basikal Labuan, Team Perubatan yang diketuai oleh Prof Ernest Y.

Pihak penganjur juga mengucapkan kasih kepada para penaja yang telah memberikan sumbangan dalam menjayakan karnival berkenaan iaitu Datuk Rozman Haji Isli, Gab Oilwell Services S/B, Restoran Sup Power, AR Cahaya Gemilang, De' Udin Catering, Island Trading, PIBG KV Labuan, Hoi Peng Hardware S/B, Berwawasan Baru Kontraktor, Mike Trading, Kuda Trophy, dan Talka

Trading.

"Kejayaan penganjuran Karnival Sukan Kolej Vokasional Labuan itu adalah disebabkan sokongan, kerjasama dan komitmen pelbagai pihak. Saya berharap mereka akan terus membantu KVL pada masa akan datang," katanya dengan penuh bangga.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Datuk Haji Bashir Alias, Pengarah KV Labuan Hajjah Siti Muslihah Leeudin, Yang Dipertua PIBG, Mazri Yunus dan Pengarah Program, Veronica John Tang.

Majlis pelepasan acara berbasikal turut dihadiri Ahli Dewan Negara Senator Datuk Yunus Kurus dan Pengerusi Labuan Cyclist Grup Jamil Haji Kario.



ROZMAN (duduk empat kiri) dan Pengarah Program VISC, Veronica John Tang bersama dengan para pemenang MTB XC Closed Challenge.



PASUKAN Universiti Curtin A, Miri, Sarawak-Johan Keseluruhan Ragbi Wanita bersama Rozman (tengah), Bashir (kiri) dan Siti Muslihah.